

## LONJAKAN NILAI-NILAI KEUSAHAWANAN PELAJAR POLITEKNIK MENERUSI PROGRAM i-SMART

**ZAIRON BIN MUSTAPHA\*<sup>1</sup>, NOOR AFIZAH BINTI ATAN\*<sup>2</sup>, ELYN BINTI MOHD RIDZWAN\*<sup>3</sup>**

<sup>\*1</sup> Politeknik METrO Johor Bahru. 81100. Johor Bahru. Johor.Malaysia

<sup>\*2</sup> Politeknik METrO Johor Bahru. 81100. Johor Bahru. Johor.Malaysia

<sup>\*3</sup> Politeknik METrO Johor Bahru. 81100. Johor Bahru. Johor.Malaysia

---

### ARTICLE INFO

#### **Article history :**

Received : June 2015

Accepted : August 2015

Available online : January 2017

#### **Keywords:**

Nilai-nilai

keusahawanan,

Program i-SMART

### ABSTRACT

*Entrepreneurial skills education is very substantial amongst the students in institutions of higher education (IPTA) especially Polytechnics students as it develop them to be more competitive in future. Therefore, Politeknik METrO Johor Bahru (PMJB) has established a programme known as i-SMART to improve the excellence skills and the soft skills of the students especially on the skills on entrepreneurship after the students have graduated. With that said, how far this programme's capability on enhancing the entrepreneurial value among the students. A total of 181 students of (PMJB) were randomly chosen as the research participants. The findings shows that the entrepreneurial skills escalated after they join i-SMART programme. There are also positive relationship between the students involvement in i-SMART programme with entrepreneurial value. Other than that, the findings shows that the entrepreneurial skills cannot be inherited and it is not influenced by the background of family. It can be formed and highly depends on the combination of experience and the knowledge gained by the students themselves.*

### ABSTRAK

*Pendidikan kemahiran keusahawanan dikalangan pelajar institusi pengajian tinggi khususnya pelajar politeknik adalah penting untuk menjadikan mereka lebih kompetatif pada masa hadapan. Sejalan dengan itu Politeknik METrO Johor Bahru (PMJB) telah membangunkan satu program yang dikenali dengan Program i-SMART untuk meningkatkan keterampilan dan keunggulan kemahiran insaniah pelajar khususnya kemahiran keusahawanan selepas graduat kelak. Namun sejauh manakan program ini mampu meningkatkan nilai-nilai keusahawanan di kalangan pelajar. Seramai 181 orang pelajar (PMJB) telah dipilih secara rawak sebagai responden kajian. Dapatan kajian menunjukkan nilai-nilai keusahawanan pelajar adalah tinggi selepas mereka mengikuti program i-SMART. Seterusnya terdapat hubungan yang positif diantara penglibatan pelajar dalam Program i-SMART dengan nilai-nilai keusahawanan. Selain itu, dapatan menunjukkan nilai-nilai keusahawanan sebenarnya tidak boleh diwarisi dan tidak dipengaruhi oleh faktor latar belakang keluarga. Ia boleh dibentuk dan bergantung kepada kombinasi pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi oleh pelajar itu sendiri.*

## PENDAHULUAN

Kerjaya sebagai usahawan merupakan bidang kerjaya yang luas untuk diceburi dan sangat penting kebelakangan ini. Sejar dengan itu, Malaysia sebagai sebuah negara yang menuju ke arah negara maju dalam masa 5 tahun lagi, sedang mengubah keadaan masyarakat yang bergantung kepada kerajaan kepada masyarakat yang bekerja sendiri sama ada berniaga atau menjadi usahawan untuk menyara diri dan keluarga. Letusan teknologi maklumat dan komunikasi menerusi penggunaan *pc tablet*, iPad dan telefon pintar telah menjadikan bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan bagi generasi muda terutamanya di negara-negara maju. Namun, kerjaya ini bukannya bidang pilihan di kalangan siswazah di Malaysia. Norasmah [16] dalam kajiannya menunjukkan siswazah di Malaysia menganggap kerjaya dalam bidang keusahawanan sebagai pilihan kedua dan terakhir. Ini disokong dengan dapatan Kajian Pengesanan Graduan, Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2014 dimana hanya 4.90 % sahaja graduan yang menceburi bidang usahawan selepas menamatkan pengajian [8]. Walaupun terdapat peningkatan secara berkala (2006-2014) dalam kecenderungan siswazah memilih untuk menjadi usahawan, namun peratusan ini masih lagi rendah berbanding Amerika Syarikat sebanyak 10%.

Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk menjadikan bidang keusahawanan terutamanya sektor industri kecil dan sederhana sebagai penyumbang utama kepada peluang pekerjaan dan seterusnya membantu perkembangan ekonomi negara. Kerajaan juga telah menyalurkan bantuan dari segi kursus-kursus yang berkaitan dan bantuan kewangan kepada golongan yang berminat untuk memajukan lagi bidang keusahawanan. Antara agensi yang terlibat adalah Kementerian Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD), Institut Keusahawanan Negara (Inskn), Kementerian Pertanian dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

## LATAR BELAKANG MASALAH

Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berkaitan elemen keusahawanan dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) sejak awal tahun 1990-an berlandaskan bidang/tajuk pembelajaran perniagaan dan keusahawanan. Penerapan aspek keusahawanan secara merentas kurikulum di Tahap Satu peringkat sekolah rendah bertujuan membolehkan pelajar memperoleh kemahiran asas dan pengetahuan berasaskan perniagaan dan keusahawanan supaya mereka dapat menjalankan kerja-buat-sendiri, mereka cipta dan cenderung berurusniaga serta mengamalkan sikap dan budaya kerja yang baik. Pemetaan elemen keusahawanan dalam perancangan dan pembangunan melalui standard kandungan dan standard pembelajaran KBSR dan KBSM menunjukkan kesinambungan yang mantap, bermula seawal dari Tahap satu (Tahun Satu, Dua dan Tiga) sehinggalah di akhir Tahap Dua (Tahun Empat hingga Enam) di peringkat sekolah rendah seterusnya hinggalah ke tingkatan lima di sekolah menengah [4]. Menyedari kepentingan pendidikan keusahawanan di kalangan pelajar, Jabatan Pendidikan Politeknik di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia telah mewajibkan subjek Keusahawanan sebagai salah satu pilihan untuk Kelab/Persatuan (DRK3002) dan subjek *Entrepreneurship* (DPB2012) di politeknik seluruh Malaysia.

Ini sejajar dengan Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara 2011-2015 fasa 2 yang meletakkan fokus kepada usaha mengarus perdanakan pendidikan keusahawanan. Usaha ini adalah untuk meningkatkan daya keusahawanan di kalangan semua pelajar yang akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Pelan ini juga telah memberi pendedahan dan penerapan nilai-nilai dan kemahiran keusahawanan kepada pelajar Universiti, Politeknik dan Kolej Komuniti yang merangkumi aspek kepimpinan, inovasi, kreativiti, berdaya saing, berdikari, mengambil risiko terkira dan kebolehan untuk mengenal pasti dan membuka peluang. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pengajian Tinggi telah melancarkan dasar pembangunan keusahawanan Institut Pengajian Tinggi pada 13 April 2010 yang bertujuan menggalakkan pendidikan dan pembangunan keusahawanan yang lebih terancang dan holistik dalam kalangan Institut Pengajian Tinggi [18]

Seterusnya Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) telah dirangka dengan tujuan utamanya untuk memupuk minda keusahawanan dalam seluruh sistem pendidikan tinggi, dan mewujudkan sistem pendidikan yang melahirkan graduan berciri keusahawanan, bukannya mencari kerja. Lantaran itu pelan ini telah memfokuskan 10 lonjakan bakat terpelajar dipacu nilai, yang mensasarkan lonjakan pertamanya sebagai graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Ini selaras dengan laporan yang dinyatakan oleh sebahagian majikan bahawa sesetengah graduan lemah dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap [19].

Menurut Norfadhilah [17], terdapat beberapa sikap yang perlu ada dalam diri individu sebelum menjadi seorang usahawan yang efektif dan efisien. Zainal et al [28] telah menyenaraikan sikap-sikap berikut untuk menjadi usahawan yang berjaya iaitu inisiatif, melihat dan merebut peluang, kecekalan, mencari maklumat, menitik beratkan mutu kerja yang tinggi, komitmen terhadap perjanjian kerja, berorientasikan ke arah kecekapan, membuat perancangan yang sistematik, ketegasan, meyakinkan orang lain, dan menggunakan strategi-strategi pengaruh.

Dalam merealisasikan penerapan nilai dan sikap keusahawanan yang jitu dan unggul, Politeknik METRo Johor Bahru telah membangunkan satu program yang mampu meningkatkan keterampilan dan keunggulan pelajar selepas bergraduat. Program ini dikenali dengan Program i-SMART, dimana 1 Pelajar akan diterapkan dengan 10 aktiviti kemahiran insaniah. Ini juga secara tidak langsung berkait rapat dengan isu kualiti produk IPTA dalam persaingan mendapatkan pekerjaan di pasaran kerja yang kompetitif apabila pelajar menamatkan pengajian. Terdapat tujuh (7) elemen KI yang telah digariskan oleh KPTM iaitu kemahiran komunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berkesan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral professional, dan kemahiran kepimpinan.

Seseorang usahawan muncul bukan kerana memiliki ciri-ciri personaliti semulajadi atau dilahirkan, tetapi kerana pelbagai faktor lain dan boleh dilatih [27]. Di samping itu, menurut Hisrich [7], kerjaya keusahawanan dipengaruhi oleh latar belakang pekerjaan ibu bapa seseorang usahawan dan keluarga memainkan peranan dalam mengalakkan kredibiliti keusahawanan sebagai satu kerjaya. Ini disokong oleh Nor Aishah [15] yang mendapati wujudnya perkaitan yang agak kuat antara kerjaya keluarga dengan pemilihan kerjaya usahawan. Menurut Baharu [5] juga, walaupun pelajar dari keturunan Cina telah dikatakan mempunyai sikap keusahawanan yang tinggi kerana latarbelakang keluarga, namun kajian beliau mendapati bahawa pelajar-pelajar dari keturunan Cina tidak mempunyai sikap keusahawanan yang tinggi. Walau bagaimanapun beberapa pengkaji [11], mendapati latarbelakang keluarga memainkan peranan yang penting untuk memupuk budaya keusahawanan dalam diri sesorang. Kenyataan ini disokong oleh [22, 23] di mana kajian mereka juga mendapati latar belakang keluarga banyak mempengaruhi minat seseorang untuk menjadi usahawan.

Zaidatol et. al. [26] dalam kajiannya telah menunjukkan bahawa sikap dan ciri keusahawanan yang ada pada pelajar sekolah menengah adalah sederhana positif. Selain itu [5] mendapati pelajar wanita telah menunjukkan sikap keusahawanan yang tinggi berbanding dengan pelajar lelaki. Kajian yang dibuat di negara barat telah membuktikan bahawa pendidikan keusahawanan adalah berkait rapat dengan keputusan untuk memulakan perniagaan atau tidak. Kajian juga telah menunjukkan pengalaman, potensi, ciri keusahawanan, sikap, hobi, persepsi keusahawanan sendiri dan idea perniagaan adalah pengaruh yang kuat terhadap inspirasi keusahawanan [26].

## **PENYATAAN MASALAH**

Selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) yang mengarus perdanakan pendidikan keusahawanan dan penerapan nilai-nilai keusahawanan kepada pelajar IPTA, dan cetusan idea Program i-SMART di Politeknik METrO Johor Bahru, sejauhmanakah program i-SMART ini mampu meningkatkan nilai-nilai keusahawanan di kalangan pelajar khususnya di Politeknik.

### **PERSOALAN KAJIAN**

1. Adakah wujud nilai-nilai keusahawanan di kalangan pelajar Politeknik METrO Johor Bahru.
2. Adakah terdapat perbezaan antara faktor latar belakang keluarga dengan nilai-nilai keusahawanan pelajar.
3. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara bilangan aktiviti program i-SMART dengan nilai keusahawanan pelajar.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengetahui tahap nilai-nilai keusahawanan di kalangan pelajar Politeknik METrO Johor Bahru.
2. Mengenal pasti perbezaan antara faktor latar belakang keluarga dengan nilai-nilai keusahawanan pelajar.
3. Mengetahui hubungan yang signifikan antara bilangan aktiviti program i-SMART dengan nilai keusahawanan pelajar.

### **SOROTAN KAJIAN**

#### **Ciri-ciri Keusahawanan**

Seorang individu tidak dilahirkan sebagai usahawan dan tidak boleh mewarisi ciri-ciri keusahawanan daripada keluarganya [1]. Menurut Sarebah et. al. [20], seseorang itu boleh menjadi usahawan apabila mereka melalui sendiri pelbagai proses yang ada dalam pembangunan usahawan dan ianya memerlukan minat dan kemahiran dalam bidang tersebut. Seorang usahawan juga perlu mempunyai sikap yang cemerlang supaya mereka boleh berjaya dalam bidang yang diceburi. Sikap cemerlang ini penting kerana ia menjadi asas kekuatan dalaman secara mental, emosi dan fizikal yang kukuh untuk mendorong usahawan menghadapi dan menangani pelbagai cabaran sehingga berjaya. Sikap adalah satu gambaran perasaan seseorang yang terangsang terhadap sesuatu objek yang akan dizahirkan menerusi tingkahlaku yang diambil oleh seseorang individu seperti pemilihan kerjaya dalam bidang keusahawanan. Sikap adalah penting untuk meramalkan tingkahlaku yang dapat menentukan kejayaan usaha usahawan kerana hampir semua memerlukan sikap tertentu seperti peka kepada peluang, ketabahan untuk mengatasi pelbagai rintangan, cabaran, masalah dan kegagalan yang mungkin timbul di peringkat permulaan atas halangan-halangan yang berkemungkinan timbul dikemudiannya [4].

Jika dilihat dari konteks keusahawanan, beberapa kaji selidik telah membuktikan bahawa wujudnya nilai-nilai keusahawanan seperti inovatif, kebebasan hakmilik, prestasi luar biasa, menilai dan menghormati di kalangan usahawan yang Berjaya. Adnan [3] telah menyenaraikan nilai dan ciri-ciri yang perlu ada dalam diri seseorang untuk menjadi usahawan yang berjaya. Antara ciri-ciri yang dinyatakan adalah berkeyakinan diri, mempunyai matlamat, berani mengambil risiko, merebut segala peluang yang ada, mampu berdaya saing dan mamapu menyelesaikan segala masalah yang datang. Mc Clelland and Mc Ber &co telah menjalankan kajian tentang kompetensi seorang usahawan di Malawi, India dan Ecuador. Mereka mendapati untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya terdapat 13 nilai yang perlu diterapkan. Ciri-ciri tersebut adalah initiative yang tinggi, rebut segala peluang, rajin mencari maklumat, rajin, komitmen yang tinggi, efficient, perancangan yang sistematik, kreatif, yakin pada diri sendiri, mempunyai kuasa dan tanggungjawab, pandai memujuk, cekal dan berani [21].

Manakala nilai-nilai murni keusahawanan menurut perspektif islam adalah nilai kepimpinan dan pengurusan yang baik, berani mengambil risiko, amanah, sabar, bersedekah, jaringan perniagaan yang kukuh, tadbir urus koporat yang baik, dan kreatif dan inovatif [2].

Seterusnya Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM [4] telah menggariskan 14 nilai-nilai murni keusahawanan yang perlu diterapkan kepada semua pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah dalam proses pengajaran dan pembelajaran merentas kurikulum teras. Nilai-nilai tersebut adalah bertanggungjawab terhadap keputusan, sangat peka kepada peluang, berani mengambil risiko yang dianggarkan, daya kreativiti dan inovatif, fleksibiliti, keinginan kepada maklum balas segera, berorientasikan masa depan, kesanggupan belajar daripada kesilapan, berkeupayaan memimpin, berorientasikan pencapaian, daya tahan yang kental, bertoleransi terhadap ketidaktentuan yang tinggi, daya ketabahan yang tinggi (pantang menyerah dan berputus asa) dan boleh membina jaringan social.

### **Program i-SMART**

Program ini merupakan satu program di mana 1 Pelajar diterapkan 10 aktiviti kemahiran insaniah bagi meningkatkan ketrampilan dan keunggulan pelajar selepas bergraduan dari Politeknik METrO Johor Bahru (PMJB).

Penerapan Kemahiran Insaniah (KI) ini merupakan suatu pendekatan yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi membangunkan modal insan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) seperti yang telah digariskan sebagai satu daripada agenda utama negara dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RM Ke-9) yang diterjemahkan ke dalam Agenda Kritikal Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Ini juga secara tidak langsung berkait rapat dengan isu kualiti produk IPTA dalam persaingan mendapatkan pekerjaan di pasaran kerja yang kompetitif apabila pelajar menamatkan pengajian. Terdapat tujuh (7) elemen KI yang telah digariskan oleh KPTM iaitu kemahiran komunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berkesan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral professional dan kemahiran kepimpinan.

Rasional kewujudan program ini adalah berdasarkan faktor-faktor berikut :

1. Isu kebolehdapatan pekerjaan di kalangan graduan adalah satu cabaran yang diberi perhatian yang berat oleh semua institusi pendidikan. Masalah pengangguran di kalangan graduan politeknik dikaitkan dengan isu kekurangan dan kelemahan graduan yang dikeluarkan oleh pihak institusi pengajian tinggi itu sendiri. Graduan dikatakan tidak mampu berfikir secara kritikal, kurang kemahiran menyelesaikan masalah, kurang kemahiran berkomunikasi dan kerja berkumpulan, kurang kemahiran menggunakan kemudahan ICT dan lemah berbahasa Inggeris adalah luahan yang sering diutarakan oleh pihak majikan. Persoalan ini perlu ditangani secara berterusan, menyeluruh dan berstrategik agar para graduan mendapat jawatan yang setaraf dengan kelulusan mereka dan berpeluang meningkatkan kerjaya atau melanjutkan pengajian.
2. Dapatan Kajian Pengesanan Graduan 2011 mendapati:
  - a. Kumpulan terbesar yang tidak bekerja adalah lulusan diploma (55.5%), diikuti lulusan ijazah pertama (25.9%), lulusan sijil (17.4%), sarjana (0.9%) dan selebihnya iaitu 0.3% terdiri daripada graduan peringkat pengajian lain.
  - b. Bagi graduan politeknik, didapati 53.6% bekerja sepenuh masa, 5.2% bekerja separa masa, 3.3% menunggu penempatan pekerjaan, 10.8% melanjutkan pelajaran dan 27.2% tidak bekerja.
  - c. Latihan tambahan yang diperlukan oleh graduan diploma bagi mendapat pekerjaan adalah program Bahasa Inggeris (58.0%), program kemahiran interpersonal (49.3%), pembangunan kerjaya (47.8%), latihan keusahawanan (44.4%), dan kemahiran ICT (40.7%).
3. Pasaran kerja realiti baharu memerlukan

- a. graduan memiliki kemahiran keboleherjaan iaitu keupayaan melakukan pekerjaan dan pada masa yang sama berkeupayaan mempertingkatkan kebolehan melaksanakan pekerjaan yang baru yang memerlukan kompetensi serta keupayaan yang lebih tinggi pada masa hadapan,
  - b. graduan yang boleh dilatih secara berterusan dan sentiasa bersedia untuk belajar mempelajari teknologi baharu dan proses kerja baharu.
4. Dalam tahun 2013, sebanyak 20 program pembangunan diri dan sahsiah pelajar PMJB telah dilaksanakan. Namun begitu, pelaksanaan aktiviti tidak dibuat secara berstruktur dan dilaksanakan secara ad-hoc serta berdasarkan keperluan semasa. Didapati tidak semua pelajar PMJB terlibat dan kebanyakan program yang dilaksanakan bukan ke arah meningkatkan kemahiran insaniah pelajar.

Program ini telah digubal dengan menerapkan beberapa modul khusus untuk meningkatkan kemahiran insaniah pelajar dan seterusnya menjadikan mereka lebih kompetitif serta keterampilan. Oleh itu, ia bukan sahaja bakal menghasilkan sumber manusia yang berpengetahuan tetapi perlu juga menghasilkan modal insan yang mempunyai ciri-ciri insaniah yang diperlukan oleh negara.

### **METHODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini berbentuk kajian deskriptif tinjauan dengan menggunakan soal selidik untuk mendapatkan data kajian. Ini kerana Oppenheim di dalam buku Penyelidikan Pendidikan [14] menyatakan kaedah memperoleh data secara soal selidik mampu mengukur konsep yang berkaitan dengan sikap, persepsi serta pandangan.

Borang soal selidik terbahagi kepada 2 bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A adalah berbentuk aneka pilihan di mana maklumat yang diperolehi meliputi profil responden seperti jantina, bangsa, minat untuk menjadi usahawan dan latar belakang pekerjaan keluarga. Manakala, bahagian B semua soalan disusun dengan menggunakan skala likert untuk mengukur sikap dan ciri-ciri nilai keusahawanan pelajar. Skala ini sesuai digunakan kerana menurut pengkaji [25], ia merupakan satu inventori sikap yang melibatkan perasaan individu terhadap sesuatu idea, prosedur dan institusi sosial.

Kajian ini menggunakan kaedah secara rawak dalam memilih sampel untuk memperoleh data di mana seramai 181 orang orang pelajar Politeknik METrO Johor Bahru sesi Disember 2014 dipilih sebagai sampel. Penentuan saiz sampel adalah berdasarkan populasi Krejcie Morgan [10] di mana menurut beliau sampel untuk populasi berjumlah 384 orang adalah seramai 181 orang responden.

### **ANALISIS DATA**

Kaedah peratusan telah digunakan untuk bahagian A : Profil pelajar. Manakala semua data di bahagian B telah dianalisa dengan menggunakan perisian SPSS. Bagi soalan kajian 1, kaedah deskriptif statistik telah digunakan dengan berpandukan min skor. Ini kerana analisis min boleh digunakan untuk mengukur skor purata yang membawa kepada gambaran data secara keseluruhan [24]. Analisis ini juga dapat memenuhi hampir semua teknik pemrosesan dan penganalisan data sesuai dengan objektif sesuatu penyelidikan yang dijalankan [12]. Data berkenaan telah ditafsirkan dengan menggunakan Jadual 1 dibawah [17].

Jadual 1 : Tafsiran min dan nilai-nilai murni keusahawanan pelajar

<b>Min</b>	<b>Tafsiran</b>	<b>Nilai –nilai murni keusahawanan</b>
1.00 hingga 2.33	Tidak setuju dan sangat tidak setuju	Rendah
2.34 hingga 3.66	Kurang setuju	Sederhana
3.67 hingga 5.00	Setuju dan sangat setuju	Tinggi

Bagi soalan kajian 2, kaedah analisis data yang dijalankan ialah dengan menggunakan Ujian Oneway ANOVA. Menurut Mohd Salleh dan Zaidatun [13], Ujian Oneway ANOVA boleh dijalankan untuk menguji perbezaan min bagi pemboleh ubah bersandar untuk dua kumpulan atau lebih secara serentak. Dalam ujian ini, jika kebarangkalian berlakunya fenomena ini adalah kurang 0.025 atau 2.5%, maka hipotesis nol adalah ditolak. Ini bermakna wujudnya perbezaan min yang signifikan bagi pemboleh ubah yang dikaji dikalangan ketiga-tiga kumpulan populasi.

Bagi soalan kajian 3, analisis korelasi Pearson digunakan untuk menentukan hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah. Menurut Mohd Salleh dan Zaidatun [13], sekiranya dalam ujian yang dijalankan menunjukkan nilai signifikan lebih kecil daripada 0.005, maka terdapat hubungan diantara pemboleh ubah yang dikaji.

### BATASAN KAJIAN

Kajian ini hanya memfokuskan kepada 6 nilai-nilai murni keusahawanan sahaja iaitu berani mengambil risiko, kreatif dan inovatif, cekal dan tidak putus asa, rajin dan daya inisiatif tinggi, bertanggungjawab dan merebut peluang yang ada.

### DAPATAN KAJIAN

Laporan dapatan kajian ini dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu bahagian A yang menerangkan profil responden kajian.

#### Bahagian A : Profil responden

Jadual 2 di bawah menunjukkan profil responden secara terperinci.

Jadual 2 : Profil Responden Kajian

Item	Frekuensi	Peratus
Jantina		
• Lelaki	86	47.5
• Perempuan	95	52.5
Bangsa		
• Melayu	171	94.5
• Cina	1	0.6
• India	9	5
Pekerjaan keluarga		
• Perniagaan sendiri	42	22.7
• Swasta	73	40.3
• kerjaraan	66	36.5
Minat menjadi usahawan		
• Ya	142	78.5
• Tidak	38	21
Aktiviti Program i-Smart yang disertai		
• Kurang daripada 2 aktiviti	63	34.8
• 3-4 aktiviti	89	49.2
• 5-6 aktiviti	19	10.5
• Lebih daripada 6 aktiviti	10	5.5

#### Bahagian B : Nilai-nilai keusahawanan

**Persoalan kajian 1 : Adakah wujud nilai-nilai keusahawanan di kalangan pelajar Politeknik METrO Johor Bahru.**

Analisa kajian di bahagian ini mendapati secara keseluruhan reponden mempunyai tahap yang nilai-nilai keusahawanan yang tinggi iaitu berani mengambil risiko (min 3.78), kreatif dan inovatif (min 3.71), cekal dan tidak putus asa (min 3.74), rajin dan daya inisiatif tinggi (min 3.84), bertanggungjawab (min 3.87) dan merebut peluang yang ada (min 3.75). Ini disokong oleh dapatan kajian yang dijalankan oleh Norfadhilah dan Halimah [17] di kalangan pelajar IPTA yang mendapati mereka mempunyai nilai-nilai keusahawanan seperti bertenaga, bertanggungjawab, berpandangan jauh, komintment terhadap kerja, kreatof dan inovatif yang tinggi. Namun dapatan kajian ini bertentangan dengan dapatan yang dijalankan oleh Sarebah et al. [20] ke atas pelajar Politeknik yang mendapati penerapan kemahiran keusahawanan adalah sederhana.

**Persoalan kajian 2: Adakah terdapat perbezaan antara faktor latarbelakang keluarga dengan nilai-nilai keusahawanan pelajar.**

Dapatan analisis Ujian Oneway ANOVA yang dijalankan menunjukkan kesemua soalan memperolehi nilai signifikan yang lebih besar daripada 0.025 atau 2.5%. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor latarbelakang keluarga dengan nilai-nilai keusahawanan pelajar. Ini disokong oleh Baharu [5] yang menyatakan bahawa walaupun pelajar dari keturunan Cina telah dikatakan mempunyai sikap keusahawanan yang tinggi kerana latarbelakang keluarga, namun kajian beliau mendapati bahawa pelajar-pelajar dari keturunan Cina tidak mempunyai sikap keusahawanan yang tinggi. Ini selari dengan pendapat Bird [6] yang menegaskan bahawa keputusan untuk memulakan kerjaya sebagai seorang usahawan banyak dipengaruhi oleh persepsi seseorang individu.

Sebaliknya menurut Hisrich [7], kerjaya keusahawanan banyak dipengaruhi oleh latar belakang pekerjaan ibu bapa seseorang usahawan dan keluarga memainkan peranan dalam mengalakkan kredibiliti keusahawanan sebagai satu kerjaya. Kenyataan ini juga disokong oleh Nor Aishah [15] yang mendapati wujudnya perkaitan yang agak kuat antara kerjaya keluarga dengan pemilihan kerjaya usahawan. Seterusnya ia diperkukuhkan lagi dengan kajian yang dijalankan oleh Norfadhilah dan Halimah [17] di kalangan pelajar IPTA yang mendapati latar belakang keluarga banyak mempengaruhi minat pelajar untuk memilih kerjaya sebagai seorang usahawan. Di samping itu, menurut Le [11], mendapati latar belakang keluarga memainkan peranan yang penting untuk memupuk budaya keusahawanan dalam diri sesaorang. Kenyataan ini disokong oleh beberapa orang pengkaji [22,23] dimana kajian mereka juga mendapati latar belakang keluarga banyak mempengaruhi minat seseorang untuk menjadi usahawan.

**Persoalan kajian 3: Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara bilangan aktiviti program i-SMART dengan nilai keusahawanan pelajar.**

Jadual 3 di bawah menunjukkan hasil analisis Pearson untuk menentukan hubungan antara bilangan aktiviti progam i-SMART dengan nilai keusahawanan pelajar. Hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara bilangan aktiviti i-SMART dengan nilai berani mengambil risiko ( $r=0.527$ ), nilai kreatif dan inovatif ( $r=0.330$ ), nilai cekal dan tidak putus asa ( $r=0.580$ ), nilai rajin dan daya inisiatif tinggi ( $r=0.310$ ), nilai bertanggungjawab ( $r=0.638$ ) dan nilai merebut peluang yang ada ( $r=0.312$ ).

Jadual 3: Hubungan antara bilangan program i-SMART dengan nilai keusahawanan pelajar.

Pembolehubah	r	p
Berani mengambil risiko	0.527	0.000*
Kreatif dan inovatif	0.330	0.000*
Cekal dan tidak putus asa	0.580	0.000*
Rajin dan daya inisiatif tinggi	0.310	0.000*
Bertanggungjawab	0.638	0.000*
Merebut peluang yang ada	0.312	0.000*

\* Singnifikan pada aras 0.01

Dapatan ini menunjukkan secara keseluruhannya melalui aktiviti Program i-SMART, pelajar mampu meningkatkan nilai-nilai keusahawanan khususnya dari aspek bertanggungjawab serta cekal dan tidak putus



asa. Ini jelas dapat dilihat dengan dapatan pekali korelarnya adalah 0.638 dan 0.580. Dapatan ini selaras dengan pendapat Norfadhilah [17] iaitu kualiti program latihan yang berorientasikan pengalaman keusahawanan perlulah diterapkan melalui latihan perubahan kognitif, nilai dan tingkah laku. Seterusnya beliau juga menegaskan supaya mempergiatkan lagi program latihan yang bercorak *hands on experience, know how, problem solving* dan *action oriented*.

## KESIMPULAN

Secara tuntasnya, penerapan nilai-nilai keusahawanan pelajar khususnya di Politeknik METrO yang membudayakan Program i-SMART adalah tinggi. Ini selaras dengan objektif pembentukannya iaitu meningkatkan ketrampilan dan keunggulan kemahiran insaniah pelajar selepas bergraduat kelak. Secara tidak lansung ianya juga memenuhi salah satu hasrat lonjakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pengajian Tinggi) iaitu melahirkan graduan holistik, bercirikan keusahawanan dan seimbang menerusi tambahbaik pengalaman dan pembelajaran dengan berasaskan perkhidmatan untuk membangunkan kemahiran yang sesuai untuk abad ke 21. Seterusnya nilai-nilai keusahawanan sebenarnya tidak boleh diwarisi dan tidak dipengaruhi oleh faktor latarbelakang keluarga. Ia boleh dibentuk dan bergantung kepada kombinasi pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi. Disamping itu, wujud hubungan yang positif di antara bilangan program i-SMART yang diikuti dengan nilai keusahawanan pelajar. Ini bermakna semakin banyak program i-SMART yang diikuti maka lebih tinggi peluang untuk pembentukan nilai-nilai keusahawanan dikalangan pelajar.

## RUJUKAN

- [1]Ab. Aziz Yusof dan Zakaria, 2001. Prinsip Keusahawanan : Satu Penilaian. Edisi Kedua, Pearson Prentice Hall.
- [2]Ab. Mumin Ab Ghani, 2005. Penerapan Budaya Keusahawanan Dalam Masyarakat Islam. Kertas kerja ini dibentangkan dalam Seminar Keusahawanan Islam Peringkat Kebangsaan 2005 pada 6 September 2005
- [3]Adnan Alias, 2004. Konsep Keusahawanan . Asas Keusahawanan. 3<sup>rd</sup> Edition, Shah Alam. Biroteks.
- [4]Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2010. Buku Panduan Elemen Keusahawanan. Kementerian Pelajaran Malaysia. Edisi Pertama. Putrajaya: Perpustakaan Negara Malaysia.
- [5]Baharu Kemat, 1994. Orientasi Sikap Keusahawanan Dikalangan pelajar Politeknik Di Malaysia. *eprints.uum.edu.my Enterpreneursip Education. Current Develpoment : Future Direction*.
- [6]Bird, B.J.1989. Entrepreneurial Behavior.USA. Case Western Reserve University.
- [7]Hisrich, R.D. & Peters, M.P., 2000, Entrepreneurship Edisi Ke 4, Boston : Irwin McGraw Hill.
- [8]Kajian Pengesanan Graduan Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014. [http://graduan.moe.gov.my/skpg\\_report/Dashboard/TrendTarafPekerjaan.aspx](http://graduan.moe.gov.my/skpg_report/Dashboard/TrendTarafPekerjaan.aspx). 9.6.2015.
- [9]Kent C.A, 1990. Entrepreneurship education at the collegiate level: A synopsis and evaluation.
- [10]Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. Educational and Psychological Measurement, 30, 607-610. <http://www.gifted.uconn.edu/siegle/research/Samples/samsize.html>
- [11]Le, A. T., 1999 Empirical Studies of Self-Employment, *Journal of Economic Surveys*, 13, 381-416.Malaysia.
- [12]Mohd Majid Konting. 2005. Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Ed. Ketujuh. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan

Pustaka.

[13]Mohd Salleh Abu dan Zaidatun Tasir, 2001. Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer: SPSS 10.0 for Window. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: Venton Publishing.

[14]Mohamad Najib Abdul Ghafar, 1999. Penyelidikan Pendidikan. “Edisi Pertama. Johor: Universiti Teknologi.

[15]Nor Aishah Buang, 2002. Asas Keusahawanan. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.

[16]Norasmah Hj.Othman, 2005. Perbandingan Ciri-ciri Keusahawanan Antara Golongan Pelajar Kurang Upaya dan Pelajar Normal. Prosiding Seminar. Kertas kerja ini dibentangkan dalam *The 5<sup>th</sup> Comparative Education Society of Asia Biennial Conference 2005* pada 30-31 Mei 2005.

[17]Norfadhilah Nasharudin dan Halimah Harun, 2010 .Aspirasi Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Institusi Tinggi Awam. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35, (1) 11-17.

[18]Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara 2011-2015, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

[19]Ringkasan Eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan TInggi).

[20]Sarebah et. al., 2010. Penerapan Kemahiran Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar di Politeknik. *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Kejuruteraan dan Keusahawanan*.

[21]Sarimah Hanim Aman Shah dan Abd. Rashid Mohd Ali, 2008. *Entrepreneursip*.”Edisi Pertama. Selangor: Oxford.

[22]Scott M.G. dan D.F. Twomey, 1988. *The Long Term Supply Of Entrepreneurs: Student Career Aspiration In Sdn Bhd*.

[23]Tackey, N. D. and Perryman, S., 1999. *Graduates Mean Business, a Study of Graduates' Self-employment and Business Start-ups*, IES: Brighton.

[24]Uma Sekaran, 1992. *Research Methods for Business: Skill Building Approach*. “2<sup>nd</sup> Edition. John Wiley & Sons, Inc.

[25]Weirma, W, 1995. *Research Methods in Education: An Introduction*. 6<sup>th</sup> Edition, London: Allyn and Bacon.

[26]Zaidatol Akmaliah Lope Pirie, Abd. Rahim Bakar & Mohd. Majid Konting, 2002. Pelaksanaan Pendidikan Keusahawanan di Malaysia: Kesan Terhadap Aspirasi Keusahawanan Pelajar. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.* 10(1): 53-61.

[27]Zaidatol Akmaliah Lope Pihie & Habibah Elias, 1998. *Keusahwanan dan Motivasi Diri*: Penerbit Universiti Pertanian Malaysia

[28]Zainal Abidin Mohamed et al. 2007. “Modul Asas Pembudayaan Keusahawanan”.